



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN : IKLAN 33/2017**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**TIMBALAN PENGUASA KASTAM  
TANGGAGAJI C.2-3 EB.4  
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



### Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';

- ☒ Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

|  | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File                        |
|--|--------------|------------|---------------------|------------------------------------|
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a> |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>  |

- ☒ **SIJIL** Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

|  | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File                |
|--|--------------|------------|---------------------|----------------------------|
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">PHD.pdf</a>    |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">MASTER.pdf</a> |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">DEGREE.pdf</a> |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">HND.pdf</a>    |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">HNC.pdf</a>    |
|  | 2016         | 2016       | 25/8/2016           | <a href="#">ND.pdf</a>     |

- ☒ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “Current Government Employee”/”Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

## My Profile

### Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



|  | Start Date | To Date    | Name And Address of Employer                                   |  |
|--|------------|------------|----------------------------------------------------------------|--|
|  | 01/02/2015 |            | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office |  |
|  | 01/02/2015 | 31/01/2016 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office |  |
|  | 01/02/2014 | 31/01/2015 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office |  |



|                     |                                                             |
|---------------------|-------------------------------------------------------------|
| 1. JAWATAN          | : TIMBALAN PENGUASA KASTAM                                  |
| KEMENTERIAN/JABATAN | : JABATAN KASTAM DAN EKS AIS DIRAJA<br>KEMENTERIAN KEWANGAN |
| BAHAGIAN            | : III                                                       |
| TANGGAGAJI          | : C.2-3 EB.4 (\$1,450 - \$2,620 SEBULAN)                    |
| KEKOSONGAN          | : DUA (02)                                                  |

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sebagai Penolong Penguasa Kastam dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.4 / D.3 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.
2. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TIMBALAN PENGUASA KASTAM:**

1. Menerima arahan daripada pegawai atasan serta melapor balik.
2. Selaku Penolong Ketua Unit/Penolong Ketua Cawangan membantu pengendalian pentadbiran Unit atau Cawangan dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan selaras dengan misi, visi, matlamat strategik dan fungsi Jabatan.
3. Bagi yang ditugaskan di cawangan akan diberikan peranan selaku Ketua Pos Kawalan di bawah cawangan tersebut bagi melaksanakan kerja-kerja pentadbiran/penyeliaan Pos Kawalan.
4. Menyediakan tugas-tugas kepada setiap pegawai dan kakitangan bawahan.
5. Memastikan tugas-tugas tersebut dilaksanakan dengan sempurna dan teratur.
6. Membantu melaksanakan projek-projek Jabatan serta melaporkan perkembangan dan kemajuan dari semasa ke semasa.
7. Menghadapkan/menyediakan laporan kemajuan bulanan.
8. Wakil Jabatan di dalam mesyuarat/persidangan/perjumpaan di dalam dan di luar negeri, jika diperlukan.
9. Membuat penilaian prestasi pegawai-pegawai yang di bawah jagaan.